

Dua OKU mampu ke peringkat sarjana

U.M 31/12/07 MISA

ALOR STAR 30 Dis. - Dua pelajar orang kurang upaya (OKU), masing-masing kerdil dan tiada sebelah kaki, adalah antara pelajar yang mendaftar di Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk melanjutkan pengajian di peringkat sarjana bagi sesi kemasukan semester kedua sesi 2007/2008.

Munirah Alias, 24, ketika ditemui di Dewan Bukit Kachi, di sini berkata, kekurangannya itu bukan penghalang bagi beliau untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi dan berjaya dalam kehidupan.

Katanya, beliau percaya hanya ilmu pengetahuan sahaja yang dapat membawanya menuju kecemerlangan, sama seperti mana rakan-rakannya yang lain.

"Walaupun ramai pemegang ijazah berlumba-lumba untuk bekerja, tetapi saya mahu menyambung pengajian di peringkat sarjana kerana yakin hanya ilmu dapat menjamin masa depan," katanya yang mendaftar sebagai pelajar Sarjana Sains Komunikasi dan Pengurusan di sini hari ini.

Graduan bidang komunikasi yang merupakan anak kedua daripada lima beradik itu sebelum ini pernah berkhidmat sebagai penyelia di Pusat Pemberian Ilmu Komuniti Kelantan selama setahun.

Munirah yang mempunyai ketinggian 128 sentimeter juga menyimpan cita-cita untuk melanjutkan pengajian ke pe-

ringkat Doktor Falsafah (PhD) dan ingin menyumbang bakti untuk menjadi tenaga pengajar di UUM.

Sementara itu, rakannya, Mohamad Kaml, 22, yang cacat tanpa kaki kanan berkata beliau tidak merasakan kecacatan yang dialami menjadi penghalang kepadanya untuk melanjutkan pengajian lebih tinggi.

"Saya bersyukur kerana terpilih dan berpeluang meneruskan pelajaran walaupun cacat dan berjanji akan berusaha dan menamatkan pengajian dengan cemerlang," katanya.

Beliau yang berasal dari Ipoh dan mendaftar sebagai pelajar Sarjana Sains Teknologi Maklumat berkata, UUM merupakan tempat yang sesuai dan terbaik melanjutkan pengajian kerana mahu berbakti kepada universiti itu.

Kedua-dua mereka merupakan antara 873 pelajar pasca siswazah UUM dan daripada jumlah itu 419 adalah pelajar tempatan dan 454 terdiri daripada pelajar luar negara.

Antara pelajar luar negara yang mendaftar di UUM ialah Thailand, Singapura, Indonesia dan Brunei, Amerika Syarikat, Utopia, China, Iraq, Jordan, Libya, Palestin, Pakistan, Yaman, Arab Saudi, Somalia, Bangladesh, Algeria, Kanada, kementerian, Mesir, Oman, Nigeria, Zimbabwe, Uzbekistan, Syria, Sudan dan Sri Lanka.

- Bernama



MOHAMMAD Kaml yang cacat kaki kanan bersama Munirah Alias yang kerdil selepas mendaftar bagi pengajian peringkat sarjana semester kedua sesi 2007/2008 di Dewan Bukit Kachi Universiti Utara Malaysia di Sintok, Kedah, semalam.